

## RAMALAN POTENSI PENDERAAAN KANAK-KANAK DI TASKA BERDASARKAN FAKTOR UMUR, BEBAN TUGAS DAN TEKANAN KERJA

Sharifah Asmiza Shariff Taib  
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,  
Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.  
Emel: mizataib@yahoo.com

Hazalizah Hamzah  
Jabatan Psikologi dan Kaunseling,  
Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 3  
5900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.  
Emel: hazalizah@fpm.upsi.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan meramal potensi untuk mendera kanak-kanak dalam kalangan pendidik dan pengasuh, khususnya di taska dengan menggunakan faktor umur, beban tugas dan tekanan kerja. Kajian dijalankan ke atas 120 orang pendidik dan pengasuh yang kebanyakannya berbangsa Melayu, perempuan dan berumur antara 21 hingga 49 tahun. Data dikutip secara edaran borang soal selidik dengan menggunakan alat kajian Nasa Aeronautics and Space Administration-Task Load Index (NASA-TLX), Job Related Tension Index (JRTI) dan Brief Child Abuse Potential Inventory (BCAPI) yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil keputusan analisis korelasi menunjukkan potensi untuk mendera terhadap kanak-kanak mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor umur ( $r(120) = .27, p = .001$ ), faktor beban tugas ( $r(120) = .20, p = .05$ ) dan faktor tekanan kerja ( $r(120) = .24, p = .001$ ). Keputusan analisis regresi berganda stepwise pula menunjukkan bahawa faktor umur dan tekanan kerja memberi sumbangan terhadap potensi untuk mendera. Kesimpulannya, pendidik dan pengasuh yang lebih berusia serta mengalami tekanan kerja yang tinggi cenderung untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak di taska. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengusaha taska bagi mengenal pasti pengasuh yang berpotensi untuk mendera kanak-kanak berdasarkan faktor umur, beban tugas, dan tekanan kerja.*

Kata Kunci: Beban Tugas, Tekanan Kerja, Potensi Penderaan, Pengasuh, Kanak-Kanak

### PENGENALAN

Taska merupakan satu platform utama yang dipersetujui oleh golongan berkeluarga bagi memastikan penjagaan anak-anak berkualiti dan selamat (Zaidi, Muhamad, Putri, Johari, Azrul, Ku, Nuzha, & Siti, 2017). Namun sejak akhir ini, masalah penderaan kanak-kanak di taska menjadi perbualan hangat dalam masyarakat (Nanthini & Khadijah, 2020) dan sekiranya tidak dibendung isu ini berkemungkinan akan menjadi antara masalah sosial utama negara. Menurut Anisah (2002), isu penderaan terhadap kanak-kanak di Malaysia masih banyak tersembunyi dan hanya kes yang amat keterlaluan sahaja dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Menurut JKM (2018) kes penderaan yang sering berlaku di taska adalah penderaan berbentuk fizikal, emosi, dan kecuaihan atau pengabaian oleh pengasuh. Jenis-jenis penderaan ini tidak wujud secara berasingan tetapi mempunyai hubungan diantara satu sama lain. Perkara ini bermaksud kanak-kanak yang didera secara fizikal atau diabaikan oleh pengasuh tentu sekali akan mengalami tekanan emosi (Mohammad Shatar, 2003). Menurut Noorjannah (2014) menyatakan bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada masalah penderaan emosi akan mengalami gangguan perkembangan psikologi, psikiatri, dan perkembangan fizikal.

Penderaan berbentuk fizikal menurut Akta Kanak-Kanak (2001) merupakan satu perbuatan tidak normal yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak. Contoh penderaan fizikal adalah seperti menampar, menumbuk, mencekik, menendang, dan memukul secara kasar. Kesannya daripada perbuatan tersebut, kanak-kanak akan mengalami kecederaan seperti lebam, calar, kecederaan otak, pendarahan, patah tulang, dan kematian (Alavi et. al., 2012). Seterusnya, penderaan emosi pula adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga dari segi gangguan pemikiran dan emosi kanak-kanak (Akta Kanak-Kanak, 2001). Hal ini disebabkan oleh ibu bapa atau penjaga gagal untuk memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak dalam memberi perhatian dan kasih sayang kepada mereka. Selain itu, penderaan lisan seperti bercakap kasar, memanggil dengan panggilan yang tidak baik, dan ugutan terhadap kanak-kanak juga tergolong dalam penderaan emosi. Kesanya, kanak-kanak akan mengalami tekanan jiwa, gangguan emosi, kemurungan, dan keresahan.

Di samping itu, penderaan dari segi pengabaian dan kecuaihan merujuk kepada sikap tidak bertanggungjawab dalam penjagaan dan pengawasan sehingga mampu memberi ancaman terhadap kesihatan dan kehidupan kanak-kanak (Akta Kanak-Kanak, 2001). Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) pula mendefinisikan pengabaian sebagai lalai, cuai atau tidak memberi perhatian kepada seseorang sehingga menimbulkan masalah. Contoh pengabaian yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga adalah mereka gagal untuk menyediakan keperluan asas yang diperlukan oleh kanak-kanak seperti tempat tinggal, pendidikan, makanan,

keselamatan, pakaian, dan perubatan (Alavi et. al., 2003). Kesannya, sikap pengabaian dan kecuaiian terhadap kanak-kanak ini akan menyukarkan mereka untuk menjalinkan hubungan baik dengan orang lain.

Setiap tahun kes penderaan dan kecuaiian oleh pengasuh terhadap bayi atau kanak-kanak di bawah umur lima tahun sering dilaporkan kepada pihak JKM. Lebih malangnya isu ini ada yang membawa kepada kes kematian (Nanthini & Khadijah, 2020). Statistik daripada laporan JKM (2018) menunjukkan kes penderaan kanak-kanak dari tahun 2015 hingga tahun 2018 adalah sebanyak 1,979 kes iaitu telah meningkat sebanyak 606 kes. Hasil daripada data laporan yang diperolehi oleh JKM menunjukkan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan daripada pengasuh juga telah meningkat dari tahun 2015 hingga tahun 2018 iaitu masing-masing 211 kes, 328 kes, 403 kes, dan 428 kes. Masalah ini perlu dikaji secara lebih teliti dan mendalam kerana perkara ini dapat memberi kesan buruk terhadap perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, adakah faktor umur, beban tugas, dan tekanan kerja berpotensi meramal berlakunya penderaan kanak-kanak di taska?

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) mendefinisikan potensi adalah keupayaan atau kemampuan seseorang melakukan sesuatu perbuatan. Penderaan pula adalah satu perbuatan yang melanggar hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan yang sihat dalam menjalani kehidupan mereka. Oleh itu, potensi untuk mendera dikenali sebagai suatu keupayaan atau kemampuan untuk melakukan penderaan. Menurut Olwues, (1997), perbuatan mendera boleh berlaku sama ada dirancang, tidak sengaja atau disebabkan oleh desakan sesuatu perkara.

Kebanyakan pengasuh perlu berhadapan dengan pelbagai sikap dan tingkah laku kanak-kanak dan ini menyebabkan mereka mudah mengalami tekanan kerja. Tekanan kerja merupakan suatu tindak balas seseorang terhadap sesuatu keadaan di tempat kerja yang mampu memberi ancaman besar kepada kesihatan mental manusia (Vasuki & Baskaran, 2018). Sehubungan itu, permasalahan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada faktor tekanan berpotensi mendera kanak-kanak dalam kalangan pengasuh taska. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor tekanan kerja belum diuji ke atas pengasuh taska institusi yang berpotensi berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak.

Tambahan pula, menurut Masuda, Lanier dan Hashimoto (2019) menyatakan bahawa seseorang pengasuh mahupun pendidik di taska sering mengalami tekanan yang berlebihan. Hal ini akan menjejaskan aktiviti pengasuhan sehingga boleh menyebabkan berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak. Oleh itu, apabila seseorang berada dalam keadaan tertekan yang melampau, mereka tidak boleh berfikir secara rasional dan akan bertindak mengikut emosi. Kesannya, tekanan kerja yang tinggi akan mengurangkan hubungan kasih sayang antara pengasuh dengan kanak-kanak.

Selain itu, kajian Lee, Park dan Lee (2016) mengkaji kesan tekanan kerja dan kemurungan terhadap kepuasan kerja dalam kalangan pengasuh. Hasil keputusan menunjukkan faktor tekanan kerja dan kemurungan mampu mempengaruhi faktor kepuasan kerja seseorang pengasuh. Oleh itu, sistem sokongan daripada penyelia taska, ibu bapa, dan rakan-rakan perlu dilakukan untuk mengurangkan masalah kemurungan dan tekanan kerja bagi meningkatkan kepuasan kerja. Apabila seseorang pengasuh mengalami tahap kepuasan kerja yang rendah maka akan mempengaruhi perkembangan mental, fizikal, dan emosi kanak-kanak di pusat jagaan.

Kajian Nanthini dan Khadijah (2020), Li dan Zhang (2019), Adu dan Okeke (2016), pula menunjukkan bahawa faktor tekanan kerja dalam kalangan pendidik dan pengasuh mampu menjadi punca berlakunya masalah penderaan dalam kalangan kanak-kanak. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan faktor berlakunya tekanan kerja adalah berpunca daripada beban tugas yang terlalu banyak. Perkara ini pasti menimbulkan tekanan kepada pengasuh kerana mereka terpaksa bekerja lebih masa untuk menjaga dan memberi perhatian terhadap kanak-kanak di taska (Faulkner, Gerstenblatt, Lee, Vallejo & Travis, 2016).

Oleh itu, pengujian ke atas tekanan kerja dapat memastikan sama ada faktor beban tugas boleh memberi tekanan kepada pengasuh taska. Menurut Hong dan Aziah (2015), Fadia dan Abu (2015), Nanthini dan Khadijah (2020) mengatakan bahawa faktor beban tugas merupakan punca berlakunya tekanan di tempat kerja. Oleh itu, adakah faktor beban tugas yang dihadapi oleh pengasuh berpotensi untuk mendera kanak-kanak di taska? Mengikut Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (2012), profesion sebagai pendidik dan pengasuh di taska bukanlah sesuatu yang mudah berikutan tanggungjawab yang banyak dan mencabar perlu dipikul oleh mereka. Segala tanggungjawab yang membebani pengasuh inilah yang boleh menyebabkan ketegangan dari segi psikologi, fisiologi, dan tingkah laku (Rosnah & Siti, 2018). Pendidik atau pengasuh yang berasa tertekan akibat beban tugas yang banyak akan mengalami gejala kemurungan yang berpanjangan sehingga boleh menyebabkan berlakunya masalah penderaan (Vasuki & Baskaran, 2018). Akhirnya, bagi melepaskan tekanan yang dihadapi, kanak-kanak yang tidak bersalah akan menjadi mangsa penderaan.

Kajian mengenai isu beban tugas dan hubungan tekanan kerja di tempat kerja sering menjadi topik kajian di kalangan pengkaji tempatan dan luar negara (Rosnah & Siti, 2018, Adu & Okeke, 2016). Isu-isu ini juga boleh berlaku dalam kalangan pendidik dan pengasuh di taska. Faktor beban tugas dalam bidang pengasuhan di taska menjadi satu isu yang perlu diberi penekanan oleh pengasaha taska. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan ini boleh memberi kesan terhadap tingkah laku yang negatif. Tugas seorang pengasuh dan guru sekarang semakin mencabar dan memerlukan komitmen yang tinggi. Tambahan pula, sikap kanak-kanak yang bermasalah juga boleh menambahkan beban tugas pengasuh (Adu & Okeke, 2016). Oleh itu, faktor beban tugas juga perlu disemak kerana tiada lagi pengkaji mengkaji tahap bebanan kerja yang dialami oleh pengasuh taska di Malaysia.

Tekanan yang dialami oleh seseorang guru sering dikaitkan dengan faktor beban tugas iaitu guru mempunyai terlalu banyak tanggungjawab dan kerja yang perlu dilakukan. Sebagai contoh, kajian Adu dan Okeke (2016) mengkaji punca tekanan dalam kalangan guru prasekolah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa masalah tekanan kerja berpunca daripada guru mengajar tanpa sokongan dan beban kerja yang terlalu banyak.

Selain itu, kajian Clipa dan Boghean, (2015) pula menunjukkan bahawa guru prasekolah dan pengasuh mengalami tahap tekanan kerja yang tinggi dan hampir separuh daripada sampel kajian ingin melepaskan kerjaya tersebut. Punca yang menyebabkan tekanan adalah faktor gaji yang rendah dan beban tugas yang banyak. Secara ringkasnya, berdasarkan sorotan literatur jelas menunjukkan bahawa terdapat faktor yang menyebabkan pengasuh berpotensi untuk mendera kanak-kanak di taska ekoran daripada beban tugas dan tekanan kerja yang dialami oleh mereka. Memandangkan pengasuh mahupun guru merupakan aset penting yang diperlukan oleh negara, maka golongan ini perlu diberi perhatian khususnya dalam menghadapi tekanan. Dengan wujudnya tekanan dalam kalangan pengasuh maka masalah ini akan memberi impak terhadap mereka dalam memberi komitmen sewaktu menjalankan aktiviti pengasuhan di taska. Bagi kebanyakan pengasuh, sebahagian besar waktunya dihabiskan secara langsung dengan kanak-kanak, namun kadar waktu kerja di luar kelas cukup besar (Barbera & Reiman, 2014) seperti membuat laporan, merancang pelajaran, pertemuan bersama ibu bapa, dan aktiviti kesukarelawan (Wilson, 2016).

Perbincangan ini menunjukkan bahawa tekanan kerja dan beban tugas yang dialami oleh pengasuh berpotensi untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak di taska. Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumbangan faktor umur, beban tugas, dan tekanan kerja bagi meramal potensi untuk mendera kanak-kanak dalam kalangan pendidik atau pengasuh, khususnya di taska. Justeru itu, hipotesis bagi kajian ini adalah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor umur, beban tugas, dan tekanan kerja terhadap potensi penderaan dalam kalangan pengasuh taska.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas 120 orang responden di Pulau Pinang yang terdiri daripada pendidik dan pengasuh taska institusi. Responden dipilih secara persampelan bertujuan dengan kebanyakannya adalah perempuan yang berumur antara 21 hingga 49 tahun ( $M = 28.10$ ,  $SD = 5.99$ ). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu Melayu ( $n = 112$ , 93.30%), Cina ( $n = 5$ , 4.20%) dan India ( $n = 3$ , 2.50%).

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan pengumpulan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik. Selain borang maklumat latar belakang, responden juga melengkapkan tiga alat kajian iaitu *Nasa Aeronautics and Space Administration-Task Load Index* (NASA-TLX, Hart & Staveland, 1988), *Job Related Tension Index* (JRTI, Khan, Wolfe, Quinn, Shoek & Rosenthal, 1964) dan *Brief Child Abuse Potential Inventory* (BCAPI, Ondersma, Steven, Chaffin, Mullins & LeBrefon, 2005). Kesemua alat kajian ini telah diterjemah sendiri oleh penyelidik ke dalam Bahasa Melayu secara proses terjemahan kembali mengikut cadangan Brislin, Lonner, dan Thorndike (1973). Data kajian dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.

Alat kajian beban tugas diukur menggunakan NASA-TLX. NASA-TLX merupakan alat ukuran yang subjektif dan mempunyai enam dimensi iaitu tuntutan mental, tuntutan fizikal, tuntutan sementara, prestasi sendiri, kekecewaan, dan usaha. Menurut Hart dan Staveland (1988), gabungan keenam-enam dimensi tersebut mewakili tahap beban tugas yang dialami oleh seseorang. Alat kajian ini mempunyai dua bahagian yang perlu dijalankan untuk mendapatkan tahap beban tugas yang dialami. Dalam bahagian I, responden perlu memilih dimensi yang domain menjadi penyumbang kepada beban tugas manakala bahagian II, responden perlu memberi tanda (X) pada garisan skala penilaian dari angka 0 hingga angka 100 bagi setiap dimensi (Hill, Laccchia, Byers, Bittner, Zaklad, & Christ 1992). Markat tinggi menggambarkan responden mengalami beban tugas yang tinggi, markat sederhana menunjukkan responden mengalami beban tugas yang sederhana, dan markat rendah menggambarkan mereka mengalami tahap beban tugas yang rendah.

Alat kajian JRTI oleh Khan, Wolfe, Quinn, Shoek dan Rosenthal (1964) pula digunakan bagi menentukan tahap tekanan kerja seseorang. Indeks kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi JRTI ialah  $\alpha = .88$ . JRTI mengandungi 15 item dan tiada item negatif. Dua contoh item JRTI ialah “anda berasa sukar mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjalankan tugas anda” dan “anda berasa pekerjaan ini mengganggu kehidupan berkeluarga anda”. JRTI menggunakan skala Likert-5 iaitu Tidak Pernah (1), Jarang-jarang (2), Kadang-kadang (3) Kerap (4), Hampir setiap masa (5). Jumlah markat maksimum ialah 75 dan minimum ialah 15 (Fatimah Wati Halim, 2003). Markat tinggi menggambarkan seseorang pengasuh mengalami tekanan kerja yang tinggi, manakala markat rendah menggambarkan mereka mengalami tahap tekanan kerja yang rendah.


Seterusnya, alat kajian BCAPI digunakan bagi mengukur potensi untuk mendera kanak-kanak. BCAPI merupakan alat kajian versi pendek daripada alat kajian sebenar iaitu *Child Abuse Potential Inventory* (CAPI) yang dibina oleh Milner (1986). Indeks kebolehpercayaan alfa Cronbach adalah  $\alpha = .86$ . Alat kajian BCAPI ini mempunyai 24 item soalan dan tiada item negatif dalam alat kajian ini. Dua contoh item dalam BCAPI ialah “saya mudah kecewa dengan masalah saya” dan “kanak-kanak memerlukan peraturan yang tegas”. Skala yang digunakan mempunyai respon berbentuk dikotomi. Setiap soalan pada bahagian ini mempunyai respon “Setuju” dan “Tidak Setuju”. Jawapan responden bagi semua item BCAPI dijumlahkan bagi mengukur potensi untuk mendera. Dalam menentukan tahap potensi untuk melakukan penderaan, skor yang tinggi menunjukkan seseorang itu berpotensi untuk melakukan penderaan. Sebaliknya, skor yang rendah menunjukkan seseorang itu tidak berpotensi melakukan penderaan terhadap kanak-kanak (Ondersma et al., 2005).

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN


Keputusan analisis deskriptif, menunjukkan faktor beban tugas ( $M = 71.63$ ,  $SD = 11.07$ ) dan tekanan kerja ( $M = 47.46$ ,  $SD = 5.36$ ) mempunyai potensi mendera kanak-kanak yang lebih tinggi berbanding faktor umur ( $M = 28.10$ ,  $SD = 5.99$ ). Lanjutan itu, hasil dapatan menunjukkan tahap potensi untuk mendera kanak-kanak dalam kalangan pendidik dan pengasuh di taska institusi adalah rendah ( $M = 37.81$ ,  $SD = 4.18$ ). Tahap potensi penderaan yang rendah ini bercanggah dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Nanthini dan Khadijah, (2020).

Dalam menentukan sama ada model regresi dalam SPSS boleh digunakan (*feasible*), maka ujian-ujian diagnostik telah dijalankan. Ujian-ujian diagnostik digunakan bertujuan untuk menentukan sama ada andaian-andaian regresi berganda dipatuhi. Bagi menguji andaian *muticolinearity* maka dua indeks telah digunakan iaitu *Variance Inflation Factor (VIF)* dan *Durbin-Watson*. Indeks VIF dan *Durbin-Watson* yang diperolehi dalam kajian ini ialah masing-masing 1.14 hingga 1.23 dan 1.91. Indeks ini menunjukkan bahawa masalah *muticolinearity* tidak timbul. Selain itu, ujian tahap normal data telah diuji melalui *Test of Normality Kolmogorov-Smirnov*. Menurut Coakes dan Stedd (2007) menyatakan tahap signifikan lebih dari .05 maka data telah memenuhi *assumption of normality*. Bagi pemboleh ubah potensi penderaan, tahap signifikan adalah .27 dan memenuhi *assumption of normality*.

Seterusnya, bagi menguji andaian *linearity* menggunakan *Normal P-P Plot* maka plot residual dengan nilai yang diramal (*predicted value*) telah dibina. Plot dalam Gambarajah 1 menunjukkan kebanyakan data berada di atas garisan dengan sedikit id berada di luar garisan lurus yang mana ia tidak banyak *deviation from normality*. Seterusnya, ujian *homoscedasticity* menggunakan *scatterplot* bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah. Gambarajah 2 mendapati bahawa kebanyakan data tidak berselerak secara rawak. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa item yang sedikit tidak normal dan dibuktikan pada analisis *linearity*.




Gambarajah 1: Ujian Linearity



Gambarajah 2: Scatterplot Ujian Lineariti

Akhir sekali, bagi menguji andaian *normality* maka histogram kekerapan residual telah dibina. Gambarajah 3 menunjukkan bahawa residual terbentuk secara normal.



Gambarajah 3: Histogram Ujian Normaliti

Berdasarkan keputusan daripada ujian-ujian diagnostik maka dapat disimpulkan bahawa semua andaian regresi berganda telah dipatuhi oleh data kajian. Dengan demikian maka disimpulkan bahawa model yang dibina itu boleh dipakai.

Seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1, keputusan analisis korelasi bagi faktor umur, tekanan kerja, beban tugas, dan potensi penderaan mempunyai hubungan yang signifikan. Hasil keputusan analisis menunjukkan potensi penderaan mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan faktor umur ( $r_{(120)} = .28, p = .001$ ), faktor beban tugas ( $r_{(120)} = .20, p = .05$ ) dan faktor tekanan kerja ( $r_{(120)} = .24, p = .001$ ). Berdasarkan keputusan ini, disimpulkan bahawa semakin meningkat umur seseorang, semakin bertambah beban tugas dan semakin meningkat tekanan kerja maka semakin tinggi potensi untuk mendera kanak-kanak di taska. Hasil daripada dapatan ini adalah sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Vasuki dan Baskaran, (2018), Li dan Zhang, (2019). Oleh itu, hipotesis diterima dan analisis regresi berganda bagi kajian ini dapat diteruskan.

**Jadual 1: Matrik Korelasi bagi Faktor Umur, Tekanan Kerja, Beban Tugas dan Potensi Penderaan**

Pembolehubah	Umur	Beban	Tekanan	Penderaan
Umur	1			
Beban	.33*	1		
Tekanan	.21**	.34**	1	
Penderaan	.28**	.20**	.24*	1

\*\*  $p < .001$ , \*  $p < .05$

Daripada dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa pengasuh yang berusia dan mengalami tekanan kerja serta beban tugas yang banyak berpotensi untuk melakukan penderaan terhadap kanak-kanak di taska. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Adu dan Okeke (2016) masalah tekanan kerja berpunca daripada beban kerja yang terlalu banyak serta kajian Clipa dan Boghean, (2015) menunjukkan bahawa pengasuh yang mengalami tahap tekanan kerja tinggi cenderung untuk berhenti daripada profesion mereka.

Kajian Nanthini dan Khadijah (2020) juga menyatakan bahawa tekanan kerja pengasuh merupakan faktor yang mendorong mereka untuk mendera kanak-kanak. Perkara ini berkemungkinan disebabkan oleh sifat pengasuh yang menganggap kanak-kanak tersebut bukanlah anaknya sendiri maka mereka cenderung untuk mendera. Namun ciri-ciri individu lain (ibu bapa) yang mengalami tekanan kerja seperti kemurungan, kebimbangan, burnout (Nanthini & Khadijah, (2020), Li & Zhang (2019), Jeon, Buettner, & Grant (2018) dan beban tugas seperti keletihan, masalah kesihatan (Hong & Aziah, 2015), Fadia & Abu (2015), Nanthini & Khadijah (2020) juga berpontensi untuk mendera. Hal ini diperkukuh oleh kajian Crum dan Moreland (2017) yang menemukan bahawa tekanan kerja dalam kalangan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan potensi untuk mendera. Kajian Mikolajczak, Brianda, Avalosse, dan Roskam (2018) menunjukkan bahawa tekanan dan kelesuan ibu bapa berisiko tinggi untuk melakukan pengabaian dan keganasan terhadap anak-anak mereka. Dapatan tersebut menampakkan lagi faktor tekanan kerja dan beban tugas berpotensi untuk meramal berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak.

Oleh itu, analisis regresi berganda kaedah *stepwise* telah dijalankan untuk menilai sama ada faktor umur, tekanan kerja, dan beban tugas boleh meramal potensi penderaan kanak-kanak dalam kalangan pendidik dan pengasuh di taska. Dengan merujuk kepada Model 2 dalam Jadual 2, keputusan menunjukkan bahawa faktor umur dan tekanan kerja secara signifikan meramal potensi penderaan kanak-kanak  $F_{(2,117)} = 7.51, p = .001$ . Dengan lebih terperinci, faktor umur dan tekanan kerja menyumbang sebanyak 11.40% dalam varians potensi penderaan. Faktor beban tugas ( $t = .62, p = .54$ ) tidak memberi sumbangan yang signifikan dalam potensi penderaan kanak-kanak di taska.

Berdasarkan dapatan ini, persamaan regresi (Model 1) dibina. Dalam persamaan tersebut, sebagai peramal tunggal, faktor umur memberi sumbangan dalam bentuk positif iaitu sebanyak 28%. Hal ini bermaksud semakin meningkat umur seseorang pengasuh maka semakin berpotensi berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Alavi (1999) iaitu kumpulan umur yang lebih berusia berpotensi untuk mendera kanak-kanak. Model 2 dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa pembolehubah tekanan kerja memberi sumbangan sebanyak 34% iaitu menokok sebanyak 11% dalam varians potensi penderaan terhadap kanak-kanak.

**Jadual 2: Analisis Regresi Berganda Stepwise bagi Meramal Potensi Penderaan**

Model	B	T	p
<b>Model 1</b>			
Malar	32.31		
Umur	.20	3.17	.002
<b>R<sup>2</sup></b>	.28		
<b>F (1, 118)</b>	10.07		.002
<b>Model 2</b>			
Malar	26.00		
Umur	.17	2.70	.008
Tekanan	.15	2.15	.033
<b>R<sup>2</sup></b>	.34		
<b>ΔR<sup>2</sup></b>	.11		
<b>F(2, 117)</b>	7.51		.001

Dapatan ini menunjukkan bahawa sumbangan utama dalam potensi penderaan ialah tekanan kerja dan jika tidak dikawal dengan baik akan mendatangkan masalah kepada kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh Faulkner, Gerstenblatt, Lee, Vallejo dan Travis (2016), Jeon, Buettner, dan Grant (2018), Lee, Park dan Lee (2016) menyatakan bahawa seseorang pengasuh yang mengalami tekanan kerja akan mempengaruhi perkembangan mental, fizikal, dan emosi kanak-kanak di pusat jagaan. Menurut Noremy et al. (2012) seseorang pengasuh yang perlu berhadapan dengan pelbagai keadaan di tempat kerja seperti melayani karenah dan tingkah laku kanak-kanak amat mudah berlakunya tekanan kerja. Masalah ini boleh menyebabkan kes penderaan berlaku apabila pengasuh melepaskan tekanan yang dihadapi kepada kanak-kanak tersebut. Perkara ini telah dibuktikan dalam kajian Vasuki dan Baskaran (2018), Berlin, Shdaimah, Goodman, dan Slopen (2020).

Penderaan bukan sahaja memberi impak negatif kepada kanak-kanak yang didera malah dapat menjatuhkan imej perniagaan sesebuah taska. Oleh hal yang demikian, maklumat ini penting dan boleh dimanfaatkan bukan sahaja di taska institusi malah di taman asuhan yang lain. Selain itu, hasil dapatan ini juga dapat memberi sumbangan kepada pihak pengusaha dan pengasuh kanak-kanak di taska. Dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengusaha taska bagi mengenal pasti pengasuh yang berpotensi untuk mendera kanak-kanak berdasarkan faktor umur, beban tugas, dan tekanan kerja. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor ini mempunyai hubungan dan berpotensi untuk melakukan penderaan di taska. Oleh itu, sumbangan kajian ini dapat membantu pihak pengusaha taska mewujudkan program-program pembangunan modal insan kepada pengasuh. Tujuan program ini diwujudkan adalah untuk mengurangkan tahap tekanan, beban tugas, dan potensi untuk mendera kanak-kanak. Seterusnya, kajian ini juga memberi sumbangan kepada pengasuh di taska bagi melengkapkan diri dengan kemahiran sosial dan mampu bekerjasama dengan semua pihak seperti rakan sekerja dan ibu bapa. Usaha ini dilakukan agar masalah beban tugas dan tekanan kerja yang dialami oleh pengasuh dapat dikurangkan terutamanya kepada pengasuh yang lebih berusia. (PERMATA, 2013).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, faktor umur dan tekanan kerja boleh meramal potensi penderaan kanak-kanak di taska. Walaupun sumbangan faktor umur lebih kecil namun pelaku yang lebih berusia berpotensi untuk mendera kanak-kanak. Dalam tempoh umur yang sedemikian, pelaku penderaan mungkin mengalami masalah perkahwinan, masalah tekanan jiwa, keletihan, dan gaya kehidupan di bandar yang semakin mencabar. Kesemua masalah ini memungkinkan pengasuh hilang kesabaran terhadap kanak-kanak sehingga mereka terlibat dalam kes penderaan (Vasuki & Baskaran, 2018). Oleh itu, aspek pemilihan taska dan pengasuh amat penting kepada ibu bapa bagi menentukan keselamatan kanak-kanak semasa ditinggalkan (Rusmailani, 2014).

Sehubungan dengan itu terdapat beberapa cadangan dan sasaran yang diperlukan untuk memperbaiki kelemahan dalam limitasi kajian ini. Kajian berkaitan ramalan potensi penderaan terhadap kanak-kanak di taska, pengkaji menyaran agar kajian ini dijalankan ke atas semua kakitangan taska misalnya pembantu dapur dan pembantu guru. Hal ini kerana responden yang dipilih tidak melibatkan semua kakitangan taska tetapi pengkaji hanya memilih pendidik dan pengasuh taska sahaja.



Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada satu taska sahaja iaitu taska institusi. Oleh hal demikian, dicadangkan kajian seterusnya dijalankan ke atas responden daripada pelbagai jenis taska secara keseluruhan agar hasil dapatan lebih menyeluruh. Pengkaji juga menyarankan agar pengkaji masa depan menitikberatkan faktor jangka masa dan tempoh penyelidikan. Hal ini disebabkan tempoh masa yang terhad akan mengganggu pengasuh melakukan tugas penjagaan kanak-kanak di taska. Tambahan pula, item-item dalam alat kajian banyak dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk responden melengkapkannya. Sehubungan itu, kajian ini juga bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan pengasuh ketika menjawab soalan yang disediakan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang diberikan oleh pengasuh adalah tepat.

Oleh itu, bagi pengkaji lain yang berminat dengan kajian meramal potensi untuk mendera kanak-kanak digalakkan untuk mengkaji faktor penyumbang yang lain seperti faktor keretakan rumah tangga, pegangan agama, dan masalah kewangan ke atas potensi penderaan terhadap kanak-kanak. Selain itu, kajian ini boleh ditingkatkan dengan mengukur kesan beban tugas dan tekanan kerja terhadap pelaku lain yang berpotensi untuk mendera misalnya ibu bapa, penjaga, dan pembantu rumah. Akhir sekali, pengkaji akan datang juga boleh menyelidik tentang hubungan antara potensi untuk mendera dengan kesan trauma yang dialami oleh mangsa penderaan.

Kesimpulannya, kanak-kanak sewajarnya dipelihara dan dididik dengan baik serta penuh kasih sayang agar mereka dapat membesar dan berkembang sebagai individu yang boleh menyumbang kepada agama, negara, dan bangsa pada suatu hari nanti. Para pendidik atau pengasuh juga perlu menyiapkan diri dari segi fizikal dan mental supaya cekal dalam menghadapi kepelbagaian karenah kanak-kanak dan beban tugas yang semakin mencabar di taska serta mampu mengawal masalah tekanan yang dihadapi. Faktor-faktor ini penting supaya masalah seperti penderaan atau pengabaian terhadap kanak-kanak dapat dicegah oleh pihak taska.

## RUJUKAN

- Adu, E. O. & Okeke C. I. O. (2016). Causes of stress among pre-school educators in the East London education district. *Journal of Psychology*, 7(1).11-22. <https://doi.org/10.1080/09764224.2016.11907840>.
- Akta Kanak-Kanak 2001. (2006). *Undang-undang Malaysia Akta 611*. Malaysia: Pesurujaya Penyemak Undang-undang Malaysia.
- Alavi, K., Aizan Sofia Amin, Subhi, N., Mohamad, M.S. & Sarnon, N. (2012). Kerja sosial di sekolah: memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *Jurnal e-Bangi*. 7(1), 17-37.
- Alavi & Khadijah. (1999). Penderaan kanak-kanak: satu kajian kes-kes rawatan di Hospital Universiti Kuala Lumpur. *Master Thesis*: Universiti Malaya.
- Anisah, C. N. (2002). *Penganiayaan kanak-kanak: satu kajian sosioperundangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barbera, E., & Reimann, P. (2014). *Assessment and Evaluation of Time Factors in Online Teaching and Learning*. PA: IGI Global. Hershey.
- Berlin, L.J., Shdaimah, C.S., Goodman, A. & Slopen, N. (2020). "I'm literally drowning": a mixed-method exploration of infant-toddler child care providers' wellbeing. *Early Education and Development*. 31(7): 1071-1088.
- Brislin, R. W., Lonner, W. J. & Thorndike, R. M. (1973). *Cross-cultural research methods*. John Wiley & Sons, New York. <https://doi.org/10.1177%2F136346157501200101>.
- Clipa, O. & Boghean, A. (2015). Stress factors and solutions for the phenomenon of burnout of preschool teacher. *Social and Behavioral Sciences*. 180, 907-915.
- Crum, K. I. & Moreland, A. D. (2017). Parental stress and children's social and behavioral outcomes: the role of abuse potential over time. *Journal of Child and Family Studies*. 26(7).
- Fadia Nasser & Abu Alhija. (2015). Teacher stress and coping: the role of personal and job characteristics. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 185, 374-380. DOI:10.1016/j.sbspro.2015.03.415.
- Fatimah Wati Halim. (2003). Personaliti serta hubungannya dengan tekanan kerja dan kualiti kehidupan bekerja di kalangan guru. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 17, 451-457.
- Faulkner, M., Gerstenblatt, P., Lee, A., Vallejo, V., & Travis, D. (2016). Childcare providers: work stress and personal well-being. *Journal of Early Childhood Research*. 1-14.
- Hart, S. & Staveland, L. (1988) Development of NASA-TLX (Task Load Index): results of empirical and theoretical research. In: Hancock, P. and Meshkati, N., Eds., *Human Mental Workload*, North Holland, Amsterdam, 139-183.
- Hill, S. G., Laccchia, H. P., Byers, J. C., Bittner, A. C., Zaklad, A. L. & Christ, R. E. (1992). Comparison of four subjective workload rating scale. *Human Factors*, 34(2), 429-439.
- Hong, O. C. & Aziah Ismail. (2015). Sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(2): 42-57.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2018). *Laporan statistik 2017*. Putrajaya: Bahagian Kawalan Standard, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my) (akses 23 Feb 2019).
- Jeon, L., Buettner, C.K., & Grant, A.A. (2018). Early childhood teachers' psychological well-being: exploring potential predictors of depression, stress and emotional exhaustion. *Early Education and Development*. 29(1): 53-69. <https://doi.org/10.1080/10409289.2017.1341806>
- Kahn, R. L., Quinn, D. M., Snock, R. P. & Rosenthal, R. N. (1964). *Organizational Stress: Studies in Role Conflict and Ambiguity*. New York: Wiley.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Y. R., Park, S. N. & Lee, M. R. (2016). Impact of job stress, depression and perceived health status on job satisfaction among child care teacher. *Korean Journal of Occupational Health Nursing*. 25(4): 259-267. <https://doi.org/10.5807/kjohn.2016.25.4.259>
- Li, Y. & Zhang, R.C. (2019). Kindergarten teacher's work stress and work-related well-being: A moderated mediation model. *Social Behavior and Personality*. 47(2). DOI: <https://doi.org/10.2224/sbp.8409>

- Mikolajczak, M., Brianda, M. E., Avalosse, H. & Roskam, I. (2018). Consequences of parental burnout: its specific effect on child neglect and violence. *Child Abuse dan Neglect*. 80, 134-145.
- Milner, J. (1986). *The child abuse potential inventory manual (2nd ed.)*. Webster NC: Psytec Corp.
- Mohammad Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan kepada masalah sosial*. Universiti Putra Malaysia: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Nanthini, R. & Khadijah, A. (2020). Penderaan kanak-kanak di taska: cabaran pekerja sosial. *Jurnal Wacana Sarjana*. 4(1), 1-9.
- Noorjannah. (2014). *Intervensi penderaan kanak-kanak: penderaan emosi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noremy, M.A., Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., M.Suhaimi, M. & Nazirah, H. (2012). Hubungan faktor dalaman penderaan fizikal terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 001-014.
- Olweus D. (1997). Bully/ Victim problems in school: Facts and Intervention, European. *Journal of Psychology of Education*. 12, 495-510.
- Ondersma, S. J., Chaffin, M., Simpson, S., & Le Breton, J. (2005). The brief child abuse potential inventory: development and validation. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 34, 301-311.
- PERMATA. (2013). *Kurikulum PERMATA negara: Asuhan dan dididkan 0-4 tahun. Edisi ke-3. Bahagian pendidikan awal kanak-kanak (PERMATA)*. Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Cyberjaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Penn, H. (2009). Early childhood education and care: Key lessons from research for policy makers. *NESSE Report submitted to the European Commission, Directorate-General for Education and Culture*. Diambil daripada <http://roar.uel.ac.uk/3362/1/ecec-report-pdf.pdf>
- Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012. (2012). *Warta Kerajaan Persekutuan*. Jabatan Peguam Negara, Malaysia.
- Rosnah Ishak & Siti Nur Fatimah Rusman. (2018). Prestasi kerja guru dan hubungannya dengan faktor beban tugas, persekitaran kerja dan personal: kajian kes di sebuah sekolah di Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 5(1).
- Wilson, G. L. (2016). *Co-planning for co-teaching: time saving routines that work in inclusive classrooms*. ASCD. VA: Alexandria.
- Vasuki M., & Baskaran K. (2018). Stres kerja dalam kalangan guru tabika kemas. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. 15.
- Zaidi Mustafa, Muhamad, N. K., Putri Zabariah M. A. R., Johari, T., Azrul, F. K., Ku Faridah K. I., Nuzha, M. T. & Siti Farhana M. Y. (2017). *Kajian perkhidmatan taman asuhan kanak-kanak (taska) di Malaysia*. Laporan akhir. Selangor: Unitar.